

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI DARIPADA PENYUMBANG KEPADA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5038-majlis-penyampaian-sumbangan-hari-raya-aidilfitri-daripada-penyumbang-kepada-angkatan-tentera-malaysia

KUALA LUMPUR, 28 Mei 19 - Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri daripada Para Penyumbang kepada Angkatan Tentera Malaysia telah diadakan bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan.

Penyampaian sumbangan ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertahanan Malaysia bersama isteri Puan Hajah Normah binti Alwi.

Badan Kebajikan Amal Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Angkatan Tentera Malaysia turut membantu Angkatan Tentera Malaysia dengan menyumbangkan tenaga kerja bagi menyediakan 15,000 unit bungkusan beg hari raya.

Turut hadir Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong, Yang DiPertua Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturahim Isteri-Isteri Harapan Malaysia (KASIH), Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohamad Ali dan hampir 500 orang warga ATM.



